Ahmad Dusuki bin Abd Rani lwn Muhamad Rozaimi bin Ramle

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — GUAMAN SIVIL NO AA-23NCVC-1–03 TAHUN 2018
MOHD RADZI PK
1 OKTOBER 2009

Tort — Fitnah — Slander — Plaintif memfailkan tuntutan saman fitnah terhadap defendan — Defendan memfailkan tuntutan balas saman fitnah terhadap plainitf — Sama ada penyataan daripada plaintif dan defendan mengandungi unsur fitnah — Sama ada plaintif dan defendan boleh bergantung pada pembelaan fair comment, justifikasi atau bane antidote — Sama ada elemen-elemen fitnah telah dibuktikan

Plaintif memfailkan tuntutan saman fitnah terhadap defendan dan defendan memfailkan tuntutan balas saman fitnah terhadap plaintif. Kedua-dua pihak merupakan penceramah bebasa yang dikenali ramai. Plaintif merupakan ahli jawatankuasa Parti Islam Se Malaysia ('PAS') Negeri Selangor dan bergiat dalam pelbagai badan bukan kerajaan ('NGO') Islam, termasuk suatu NGO yang dikenali sebagai Geng Ustaz. Defendan merupakan pensyarah kanan di Universiti Pendidikan Sultan Idris serta merupakan ahli jawatankuasa fatwa negeri Perlis. Defendan juga merupakan presiden sebuah NGO yang dikenali sebagai Pertubuhan Kebajikan Al-Qayyim Malaysia. Kesemua bermula daripada satu pandangan yang dikemukan oleh Yang Berhormat Dato' Tuan Ibrahim Tuan Mat, Naib Presiden PAS ('Dato' Tuan Ibrahim') yang, sebelum Ramadan tahun 2017. Pada 2 Jun 2017, defendan telah memberi komentar terhadap pandangan Dato' Tuan Ibrahim dalam suatu ceramahnya dan pada 16 Jun 2017 plaintif juga telah memberi komentar dalam ceramahnya yang dirakam serta dimuat naik dalam Youtube. Susulan daripada itu, terdapat rentetan rakaman video di YouTube, siaran dalam laman facebook, serta laporan akhbar meliputi kedua-dua pihak mengenai isu tersebut yang membawa pemfailan guaman sivil terhadap defendan. Isu yang telah dipersetujui oleh kedua-dia pihak untuk diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada: (a) pernyataan fitnah No 1–5 defendan di dalam pliding plaintif adalah bersifat fitnah; (b) pernyataan fitnah plaintif seperti yang diplid di dalam pliding defendan adalah bersifat fitnah; (c) defendan boleh bergantung kepada pembelaan 'fair comment', justifikasi, 'bane antidote'; (d) plaintif boleh bergantung kepada pembelaan justifikasi, komen berpatutan dan kepentingan awam.

Diputuskan, menolak tuntutan plaintif dan tuntutan balas defendan:

(1) Bagi memutuskan sama ada pernyataan plaintif dan defendan mempunyai unusr tohmahan fitnah, mahkamah meneliti secara kesluruhan pernyataan tersebut, bukan hanya pada perkataan atau frasa tertentu, tetapi keseluruhan rangkap ayat. Mahkamah mendapati tiada pernyataan yang diungkapkan oleh plaintif dan defendan telah merendahkan martabat plaintif dan defendan pada pengamatan masyarakat secara keseluruhannya; tidak membuatkan plainitf dan defendan terputus hubungan dengan masyarakat; tidak mendedahkan plaintif dan defendan kepada kebencian, kejian, penghinaan, cemuhan dan ejekan; tidak membuatkan plaintif dan defendan disangsi atau diragui, tidak merosakkan reputasi plaintif dan defendan di jawatan, pejabat atau pekerjaan mereka; dan tidak merosakkan kedudukan kredit kewangan plaintif dan defendan (lihat perenggan 31 & 37).

(2) Mahkamah berpuas hati bahawa tiada sebarang bentuk fitnah yang dilakukan oleh plaintif dan tiada sebarang bentuk fitnah yang dilakukan oleh defendan. Memandangkan mahkamah berpuas hati bahawa tiada pernyataan fitnah oleh kedua-dua pihak, maka tiada keperluan untuk mahkamah membuat dapatan mengenai pembelaan justifikasi, ulasan saksama dan *bane antidote*. (lihat perenggan 38–39).

[English summary

The plaintiff filed a defamation suit against the defendant and the defendant filed a counterclaim defamation suit against the plaintiff. Both parties are well known speakers. The plaintiff was a member of the Parti Islam Se Malaysia ('PAS') Negeri Selangor and was active in various Islamic non-governmental organisations ('NGOs'), including an NGO known as Geng Ustaz. The defendant was a senior lecturer at the Sultan Idris Education University as well as a member of Perlis State *fatwas*. The defendant was also the president of an NGO known as the Pertubuhan Kebajikan Al-Qayyim Malaysia. It all started with a view expressed by the Yang Berhormat Dato' Tuan Ibrahim Tuan Mat, PAS Vice President ('Dato' Tuan Ibrahim') who, prior to Ramadan in 2017. On 2 June 2017, the defendant made a comment on Dato' Tuan Ibrahim's views in his speech and on 16 June 2017 the plaintiff also commented on the speech and was recorded and later uploaded on YouTube. Subsequently, there are video clips on YouTube, posts on Facebook, and press report on the issue leading to filing of civil suit against the defendant. The agreed issues of both parties to be decided by the court are whether: (a) the defendant's statement Nos 1–5 in the plaintiff's pleading is defamatory; (b) the plaintiff's defamatory statement in the defendant's pleading is defamatory; (c) whether the defendant may rely on defense of 'fair comment', justification, 'bane antidote'; (d) whether the plaintiff may rely on the defense of justification, reasonable comment and public interest.

Held, dismissing plaintiff's claim and defendant's counterclaim:

(1) To determine whether the statements of the plaintiff and the defendant have defamatory nature, the court examines in its entirety of the statement made, not only of a specific word or phrase, but the entire set of sentences. The court found that none of the statements made by the plaintiff and the defendants had injured the reputation of the plaintiff and the defendant in the eye of public as a whole; does not make plaintiff and defendants disconnected from society; not exposing plaintiff and defendants to hatred, contempt, humiliation, ridicule and taunt; does not made the plaintiff and the defendant to be suspicious or doubted, not to damage the reputation of the plaintiff and the defendant in their office, position or occupation; and does not damage the financial position of the plaintiff and the defendant (see paras 31 & 37).

(2) The court is satisfied that there is no form of defamation made by the plaintiff and no form of defamation has been made by the defendant. As the court is satisfied that there is no slanderous statement made by both parties, there is no need for the court to make a finding on the defense of justification, fair comment and *bane antidote* (see paras 38–39).]

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Khalid @ Khalid Jafri bin Bakar Shah v Party Islam Se Malaysia & Ors [2002] 1 MLJ 160, MT (diikut)

Ahmad bin Said lwn Zulkiflee bin Bakar & Yang Lain [1997] 5 MLJ 542, MT (diikut)

Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ 152; [1989] 1 CLJ Rep 321, MT (dirujuk)

Dato' Sri Dr Mohamad Salleh bin Ismail & Anor v Nurul Izzah bt Anwar & Anor [2018] 3 MLJ 726; [2018] 1 LNS 171, MR (dirujuk)

Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd (in creditors' voluntary liquidation) v Hue Shieh Lee [2019] 3 MLJ 720; [2019] 3 CLJ 729, MP (diikut)

Mohd Jamil bin Yaacob (Mohd Kamarulzaman Jusoh bersamanya) (Srihana Mohamad & Partners) bagi pihak plaintif.

Fitri Asmuni (Adnen bt Yahya bersamanya) (Awi & Co) bagi pihak defendan.

Mohd Radzi PK:

MUKADIMAH

[1] Plaintif memfailkan tuntutan saman fitnah terhadap defendan, dan defendan memfailkan tuntutan balas saman fitnah terhadap plaintif. Kedua-dua pihak memfailkan rayuan ini setelah tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah ini yang menolak tuntutan kedua-dua pihak.

A **[2]** Berikut saya kemukakan alasan mahkamah ini mencapai keputusan sedemikian.

LATAR BELAKANG

B **[3]** Kedua-dua plaintif dan defendan adalah merupakan penceramah bebas yang dikenali ramai. Plaintif adalah merupakan Ahli Jawatankuasa Pasti Islam Se Malaysia ('PAS') Negeri Selangor dan bergiat dalam pelbagai badan bukan kerajaan ('NGO') Islam, termasuk suatu NGO yang dikenali sebagai Geng Ustaz. Defendan adalah seorang Pensyarah Kanan di Universiti Pendidikan **C** Sultan Idris serta merupakan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Beliau juga adalah Presiden sebuah NGO yang dikenali sebagai Pertubuhan Kebajikan Al-Qayyim Malaysia.

D **[4]** Kesemuanya bermula dengan suatu pandangan yang dikemukakan oleh YB Dato' Tuan Ibrahim Tuan Mat, Naib Presiden PAS, sebelum menyambut Ramadan tahun 2017, yang menyatakan seperti berikut:

> Kalau nak beli di bazar, jangan tengok apa yang dia jual. Tapi tengok siapa yang menjual, jangan beli dari tangan-tangan yang tak takut pada Allah, jangan beli dari **E** tangan-tangan yang tidak menutup aurat, jangan beli dari tangan-tangan yang tidak solat. 12 jam kita berlapar, akhirnya kita berbuka dari makanan orang yang tidak taat pada Allah.

F **[5]** Dalam suatu ceramahnya pada 2 Jun 2017 (eksh D16), defendan telah memberi komentar terhadap pandangan YB Dato' Tuan Ibrahim Tuan Mat tersebut, yang berbunyi:

> Sebab itu saya tak setuju ada statement yang dibuat oleh satu orang ustad daripada parti Islam jugak, berlabel agamalah, dia kata bila bulan puasa ni jangan beli makanan daripada orang yang tak solat, jangan beli makanan daripada orang yang **G** tak tak tutup aurat, sia sia aja puasa. ... Saya katakan ... tuan-tuan jangan macam tu, sampai bila kita nak rasa kita golongan suci. ... Nabi pernah makan makanan orang Yahudi. Nabi makan daging yang diberikan oleh Orang Yahudi d Khaibar sehingga Nabi diracun. Siapa yang lebih wara' antara kita dengan Nabi? ... Tapi bagaimana orang yang mak dia tidak tutup aurat ada, mana mana keadaan dia kalau baca **H** statement ni? Salah dia, salaha dia ... tak de kaitan dengan makanan dia. Patutnya kita beli makanan dia dan kita nasohta dia elok-elok. Baguih aak meniaga ni, cari rezeki. Jom kita pergi solat. Apa salah? Pasai apa nak pergi boikot dia? ...

I **[6]** Dalam ceramahnya pada 16 Jun 2017 yang dirakam serta dimuat naik dalam Youtube (rujuk perenggan 8 pernyataan tuntutan plaintif, dan perenggan 25 jawapan pembelaan oleh plaintiff), plaintif telah memberi komentar seperti berikut:

> Tapi ada pula orang lain, ustaz, yang kata dia pakar hadis, dia pula marah pada Ustaz Tuan (Ibrahim), cakap: janganlah sebut macam tu. Apa pandangan dia (peniaga)

pula, keluarga dia pula ... kita kata pelik la orang ni, patutnya kita kena sokong la kenyataan-kenyataan yang sedemikian, orang macam ni, sikit lagi di akan mempertahankan pulak LGBT tak kena gaya, LGBT tu dia kata kita kena bagi peluang pada dia dan sebagainya ...

[7] Susulan daripada itu, terdapat rentetan rakaman video di YouTube, siaran dalam laman Facebook, serta laporan akhbar meliputi kedua-dua pihak mengenai isu ini yang akhirnya membawa kepada pemfailan guaman sivil oleh plaintif terhadap defendan.

KES PLAINTIF

[8] Pernyataan-pernyataan defendan yang dikatakan oleh plaintif sebagai memfitnah plaintif adalah seperti dibutirkan di perenggan-perenggan 15.1, 15.2, 15.3, 15.4 dan 15.5 pernyataan tuntutan plaintif, yang berikut:

Perenggan 15.1: artikel defendan yang disiarkan oleh *Malaysiakini* pada 20 Jun 2017 ('pernyataan fitnah No 1 defendan') yang berbunyi:

(a) Dr Rozaimi Ramle, mengesahkan sudah menghantar jemputan untuk berdialog dengan pemimpin PAS Selangor, Ahmad Dusuki Abdul Rani, berhubung 'tuduhan tidak tepat' yang dikaitkan kepadanya.

(b) Rozaimi memberitahu pihaknya sedang menunggu jawapan balas daripada Ahmad Dusuki sama ada bersetuju berdialog untuk menjernihkan keadaan atau tidak.

(c) 'Sekarang hanya menunggu respon selanjutnya dari pegawai peribadi beliau (Ahmad Dusuki). 'Mereka sudah dimaklumkan, cuma belum ada persetujuan dan kata putus. Pihak saya masih menunggu persetujuan,' katanya ...

Perenggan 15.2: status yang dimuat turun dalam laman Facebook defendan 17 Jun 2017 ('pernyataan fitnah No 2 defendan') yang berbunyi:

(a) Wakil saya dari IQ Malaysia akan menghubungi al-Fadhil Ustaz untuk kita tetapkan tarikh dialog ini selepas raya Aidulfitri nanti. Doa saya agar al-Fadhil Ustaz diberkati oleh Allah selalu.

Perenggan 15.3: video yang disiarkan dalam YouTube yang diberi tajuk 'Dr Rozaimi Jawab Tuduhan Liar Ustaz Ahmad Dusuki Abd Rani' ('pernyataan fitnah No 3 defendan') yang berbunyi:

(a) Aiii, jauh sangat kau pusing Ustaz, jauh sangat kau pusing Ustaz, sebab itu saya ajak dia dialog, kan, ha. Takpe Tuan-Tuan doakan supaya dialog tu jadi, Insyaallah wakil saya dah dapat nombor talipon dia, wakil saya akan contact Ustaz ni untuk kita buat dialog lepas raya nanti.

(b) Dan dialog saya dengan Ustaz tu, Insyaallah kan bukan kita nak sombong apa, kita nak bincanglah kalau betul saya ni salah aa, masa dialog hentam betul-betul apa, apa takut kalau betul saya salah saya batil saya wahabi saya sesat saya kafir umpamanya aaa, masa dialog hentam saya betul-betul apa

nak takut mungkin saya pun tidak sedor saya kafir anggap ia sebagai satu medan dakwah untuk sedarkan saya orang dah bagi platform, ok Tuan-Tuan doa biar jadi jangan, kali ini saya yang tawarkan, mudah-mudahan jadilah sebab biasa kalau orang tawarkan, saya terima orang tu lari ok dan ni Tuan Tuan ni takde kaitan dengan parti jangan kaitkan dengan parti, dak, ni tak kait dengan parti jangan kaitannya adalah statement yang tidak pada saya tidak begitu tepat, ini isu agama bukan isu politik, kalau isu politik saya tidak berapa nak ambik campur lah saya tidak berapa nak ambik campur kerana bab politik ni ada, ada orang yang lebih mahir dengan selok belok politik saya bukan orangnya ok.

Perenggan 15.4: status yang dimuat turun dalam laman Facebook defendan bertarikh 28 Disember 2017 ('pernyataan fitnah No 4 defendan') yang berbunyi:

(a) Saya menjemput Ust Dusuki Abdul Rani berdialog dengan saya berkaitan isu makanan orang yang tidak solat. Juga tiada respon.

Perenggan 15.5: suatu artikel dalam *Malaysiakini* bertarikh 29 Disember 2017 ('pernyataan fitnah No 5 defendan') yang berbunyi:

(a) Ketika dihubungi Malaysiakini, Rozaimi memberitahu pihaknya sedang menunggu jawapan balas daripada Ahmad Dusuki.

Bagaimanapun difahamkan Ahmad Dusuki belum memberi sebarang maklum balas terhadap jemputan Rozaimi. Untuk rekod laporan berkenaan disiarkan lebih enam bulan lalu.

[9] Plaintif menyatakan pernyataan fitnah No 1 defendan — pernyataan fitnah No 5 defendan adalah berbentuk fitnah dalam erti semulajadinya, membawa maksud:

(a) plaintif adalah seorang penceramah;

(b) plaintif berkata sesuatu tentang agama;

(c) plaintif adalah seorang yang pengecut kerana tidak memberi maklum balas apabila dijemput berdialog atau berjumpa;

(d) plaintif mengatakan defendan sesat dan kafir;

(e) plaintif terkeliru dalam hal parti PAS dan hal Islam, dan plaintif hanya pandai berbicara melalui laman sosial tetapi pengecut untuk berjumpa secara berdepan;

(f) plaintif tidak profesional dalam menyampaikan ceramah, terutama isu makan orang yang tidak solat;

(g) plaintif menggunakan sentimen agama dalam hal politik dan menggunakan agama untuk kepentingan politik;

(h) plaintif suka mengkafirkan orang lain;

(i) hanya dengan bersama PAS sahaja yang membolehkan kekal Islam; dan

(j) plaintif tidak bertanggungjawab dalam mengeluarkan pendapatnya.

[10] Plaintif dalam pernyataan pembelaannya terhadap tuntutan balas defendan bergantung kepada pembelaan justifikasi, komen berpatutan dan kepentingan awam.

KES DEFENDAN

[11] Perkataan-perkataan plaintif yang dikatakan oleh defendan sebagai memfitnah defendan adalah seperti dibutirkan di perenggan 25 pernyataan pembelaan dan tuntutan balas defendan, iaitu penerbitan dalam laman Facebook plaintif bertarikh 16 Jun 2017, yang juga disiarkan dalam YouTube di bawah tajuk 'Ustaz Ahmad Dusuki Abd Rani — Hari Bermasam Muka' ('pernyataan fitnah plaintif'), secara spesifiknya ayat yang berbunyi:

> Orang macam ini, sikit lagi dia akan mempertahankan pula LGBT. LGBT tu, dia kata, kena bagi peluang pada dia dan sebagainya ... Kalau betul-betul ikut hadis Rasulullah ikut betul-betullah. Jangan kita ni pula yang nak mempertahankan benda yang dilarang oleh Allah SWT tadi ...

[12] Defendan menyatakan pernyataan fitnah plaintif tersebut adalah berbentuk fitnah sama ada dalam maksud semulajadinya atau secara innuendo, membawa maksud, antara lain:

(a) defendan adalah agamawan yang berfikiran songsang dan sesat;

(b) defendan adalah agamawan yang mempertahankan perbuatan yang dilarang oleh Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri;

(c) defendan mempertahankan benda yang dilarang Allah SWT;

(d) defendan mengiktiraf LGBT;

(e) defendan merupakan seorang yang akan mempertahankan LGBT; dan

(f) defendan tidak mengikut petunjuk Rasullah SAW.

[13] Defendan menyatakan pihak yang dimaksudkan oleh plaintif dalam pernyataan fitnah plaintif merujuk kepada defendan, merupakan kenyataan yang tidak benar dan merupakan suatu fitnah dan diterbitkan oleh plaintif untuk menjejaskan nama baik defendan dalam kapasiti persendiriannya dan rasmi, termasuk kapasitinya sebagai Pensyarah Kanan, Presiden Pertubuhan Kebajikan Al-Qayyim Malaysia, dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Perlis dan Pendakwah Bebas.

[14] Defendan dalam pernyataan pembelaannya bergantung kepada pembelaan 'fair comment', justifikasi dan 'bane antidote'.

[15] Berlandaskan tuntutannya, plaintif menuntut dari defendan:

(a) ganti rugi am;

(b) ganti rugi teladan;

(c) permohonan maaf secara formal di akhbar tempatan serta Facebook; dan

(d) faedah dan kos.

[16] Defendan dalam tuntutan balasnya pula menuntut dari plaintif:

(a) ganti rugi am sebanyak RM1 juta;

(b) ganti rugi teladan;

(c) injunksi untuk menghalang plaintif, agen, pekerja, pembantunya dan sesiapa lain, dari menerbitkan, berkongsi, menyebar kenyataan berunsur fitnah tersebut di mana-mana media sosial, media elektronik atau media cetak di dalam dan di luar negara;

(d) permohonan maaf secara terbuka dalam bentuk dan kaedah yang ditentukan defendan; dan

(e) faedah dan kos.

ISU UNTUK DIPUTUSKAN

[17] Terdapat empat isu yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk diputuskan oleh mahkamah ini, yakni:

(a) sama ada pernyataan fitnah No 1 defendan — pernyataan fitnah No 5 defendan seperti yang diplid di dalam pliding plaintif adalah bersifat fitnah;

(b) sama ada pernyataan fitnah plaintif seperti yang diplid di dalam pliding defendan adalah bersifat fitnah;

(c) sama ada defendan boleh bergantung kepada pembelaan 'fair comment', justifikasi, 'Bane Antidote'; dan

(d) sama ada plaintif boleh bergantung kepada pembelaan justifikasi, komen berpatutan dan kepentingan awam.

DAPATAN

Fitnah di sisi undang-undang

[18] Kedudukan di sisi undang-undang Malaysia mengenai sesuatu saman fitnah malu libel adalah amat jelas. Telah ada banyak keputusan mahkamah

yang menggariskan dengan jelas dan terperinci apa yang perlu dibuktikan oleh plaintif dan defendan dalam tuntutan masing-masing.

[19] Dalam membuat dapatan sama ada tuntutan kedua-dua pihak memenuhi kehendak dan prinsip undang-undang mengenai fitnah, mahkamah ni telah merujuk keputusan terkini Mahkamah Persekutuan dalam kes *Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd (in creditors' voluntary liquidation) v Hue Shieh Lee* [2019] 3 MLJ 720; [2019] 3 CLJ 729.

[20] Memandangkan Mahkamah Persekutuan dalam kes ini telah mengupas dengan terperinci mengenai undang-undang fitnah di Malaysia, maka saya akan menurunkan sepenuhnya perenggan berkenaan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut, seperti berikut:

> THE LAW ON DEFAMATION
>
> [29] Defamation is committed when the defendant publishes to a third person words or matters containing untrue imputation against the reputation of the plaintiff. Liability for defamation is divided into two categories, that of libel and slander. If the publication is made in a permanent form or is broadcast or is part of a theatrical performance, it is libel. If it is in some transient form or is conveyed by spoken words or gestures, it is slander (see: *Gatley on Libel and Slander*, 9th Ed at p 6).
>
> [30] In *Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi* [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ 152; [1989] 1 CLJ Rep 321, (juga kes yang yg dirujuk dalam hujahan-hujahan bertulis kedua-dua peguam plaintif dan defendan) His Lordship Mohamed Dzaiddin J (as he then was) has clearly laid down the necessary procedure in establishing claim for libel (with which we agree), when he said at p 155:
>
> > In our law on libel, which is governed by the Defamation Act 1957, the burden of proof lies on the plaintiff to show (1) the words are defamatory; (2) the words refer to the plaintiff; and (3) the words were published. ...
>
> [31] In other words, the plaintiff must prove three elements of the tort of defamation, which are:
>
> (i) the plaintiff must show that the statement bears defamatory imputations;
>
> (ii) the statement must refer to or reflect upon the plaintiff's reputation; and
>
> (iii) the statement must have been published to a third person by the defendant.
>
> ...
>
> [34] Assuming the plaintiff in a defamation suit has shown that the words bear some sort of defamatory imputation, he must then proceed to establish that the defamatory words in question were published of and concerning him. The words must be capable of referring to him or of identifying him.
>
> [35] On this point, the Privy Council in the case of *Knupffer v London Express*

Newspaper Ltd [1944] AC 116, had this to say:

> It is an essential element of the cause of action for defamation that the words complained of should be published 'of the plaintiff', where he is not named the test of this is whether the words would reasonably lead people acquainted with him to the conclusion that he was the person referred to. The question whether they did so in fact does not arise if they cannot in law be regarded as capable of referring to him.

[36] The final element that the plaintiff must prove is that the words of which he complains have been published to any third party by the defendant. As stated by Lord Esher MR in the case of *Hebditch v Macilwaine and Others* [1894] 2 QB 54 (at p 58):

> The material part of the cause of action in libel is not the writing, but the publication of the libel.

[37] 'Publication' means making the defamatory statement known to some other person other than of whom it is written or spoken. The statement must be published to a third party (see: *S Pakianathan v Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ 771; [1988] 1 CLJ Rep 233). The uttering of a libel to the party libelled is no publication for the purpose of a civil action (see: *Wennhak v Morgan and Wife* [1888] 20 QBD 634). The fundamental principle is that the statement must be communicated to a third party in such manner as to be capable of *conveying* the defamatory imputation about the plaintiff (see: *Gatley on Libel and Slander*, 9th Ed at p 134).

[38] The test involved in determining whether or not the words complained of are defamatory is a two-stage process. Firstly, it must be considered what meaning the words would convey to an ordinary person; and secondly, it must be considered whether under the circumstances in which the words were published, a reasonable man would be likely to understand that in a defamatory way (see: *Wong Yoke Kong & Ors v Azmi M Anshar & Ors* [2003] 4 MLJ 96; [2003] 6 CLJ 559).

[21] Secara ringkasnya, Mahkamah Persekutuan telah mengesahkan dan bersetuju dengan keputusan Mohamed Dzaiddin H (pada masa itu) dalam kes *Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi* [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ 152; [1989] 1 CLJ Rep 321, yang telah menetapkan tiga inti pati yang wajib dibuktikan oleh pihak yang membuat suatu tuntutan saman fitnah, iaitu:

(a) pernyataan yang menjadi persoalan mempunyai tohmahan fitnah (*the statement bears defamatory imputations*);

(b) pernyataan yang menjadi persoalan mesti merujuk atau mencermin reputasi orang yang dikatakan difitnah (*the statement must refer to or reflect upon the reputation of the person alleging being defamed*); dan

(c) pernyataan yang menjadi persoalan mesti telah disiarkan kepada orang ketiga (*the statement must have been published to a third person*).

Inti pati ketiga

[22] Inti pati ketiga iaitu 'the words are published' dipersetujui oleh kedua-dua pihak maka tiada keperluan bagi saya membuat keputusan mengenainya dan memutuskan kedua-dua pihak telah membuktikan inti pati ketiga ini. Maka saya akan memfokus hanya kepada inti pati pertama dan kedua.

Inti pati kedua

[23] Bagi memutuskan mengenai intipati kedua, iaitu sama ada pernyataan fitnah No 1 defendan–pernyataan fitnah No 5 defendan merujuk kepada plaintif, dan sama ada pernyataan fitnah plaintif merujuk kepada defendan, ujian yang perlu digunapakai oleh mahkamah ini adalah seperti dihuraikan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd* seperti berikut:

> On this point, the Privy Council in the case of *Knupffer v London Express Newspaper Ltd* [1944] AC 116, had this to say:
>
> > It is an essential element of the cause of action for defamation that the words complained of should be published 'of the plaintiff', where he is not named the test of this is whether the words would reasonably lead people acquainted with him to the conclusion that he was the person referred to. The question whether they did so in fact does not arise if they cannot in law be regarded as capable of referring to him.

[24] Mahkamah juga merujuk dan menerimapakai prinsip sama yang diputuskan dalam kes *Ahmad bin Said lwn Zulkiflee bin Bakar & Yang Lain* [1997] 5 MLJ 542 dan *Abdul Khalid @ Khalid Jafri bin Bakar Shah v Party Islam Se Malaysia & Ors* [2002] 1 MLJ 160, yang dititip dalam hujahan bertulis peguam defendan.

[25] Pernyataan fitnah No 1 defendan, pernyataan fitnah No 4 defendan dan pernyataan fitnah No 5 defendan secara lahiriahnya merujuk kepada plaintif.

[26] Namun demikian, nama plaintif tidak disebutkan langsung dalam pernyataan fitnah No 2 defendan dan pernyataan fitnah No 3 defendan (perenggan 15.2 dan 15.3 pernyataan tuntutan plaintif), manakala nama defendan tidak disebutkan langsung dalam pernyataan fitnah plaintif. Dalam hal ini, mahkamah ini telah menggunapakai ujian yang ditetapkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Raub Australian* iaitu 'where he is not named the test of this is whether the words would reasonably lead people acquainted with him to the conclusion that he was the person referred to. The question whether they did so in fact does not arise if they cannot in law be regarded as capable of referring to him'.

A **[27]** Saya telah membuat penilaian secara menyeluruh terhadap kesemua pernyataan tersebut, bermula dari pandangan yang dikemukakan oleh YB Dato' Tuan Ibrahim Tuan Mat, Naib Presiden PAS, sebelum menyambut Ramadan tahun 2017. Saya juga telah meneliti dan membuat penilaian menyeluruh terhadap keterangan tiga saksi pihak plaintif dan tiga saksi pihak
B defendan yang memberi keterangan sewaktu perbicaraan, serta ekshibit-ekshibit yang dikemukakan (eksh P1A, P1B, P2, P3, P4, P6, P7, D9, D10). Setelah saya membuat penilaian tersebut, saya berpuashati bahawa mana-mana orang yang mengenali plaintif dan defendan, akan secara
C positifnya tahu dan akan membuat rumusan bahawa pernyataan-pernyataan berkenaan, termasuklah pernyataan-pernyataan yang tidak menyebut nama plaintif dan defendan, dengan jelasnya hanya merujuk kepada plaintif dan defendan masing-masingnya.

D **[28]** Oleh itu saya memutuskan bahawa plaintif telah membuktikan bahawa kesemua pernyataan fitnah No 1 defendan–pernyataan fitnah No 5 defendan adalah merujuk kepada plaintif. Saya juga memutuskan bahawa defendan juga telah berjaya membuktikan bahawa pernyataan fitnah plaintif adalah merujuk kepada defendan.

E **[29]** Berdasarkan dapatan ini, saya memutuskan inti pati kedua telah dipenuhi oleh kedua-dua pihak.

Inti pati pertama

F **[30]** Dalam sesuatu tuntutan mengenai fitnah, inti pati pertama inilah yang paling sukar untuk dibuktikan, iaitu pihak yang menuntut (dalam kes di hadapan mahkamah ini kedua-dua pihak plaintif dan defendan) hendaklah mengemukakan bukti dan keterangan bahawa pernyataan yang menjadi
G persoalan mempunyai tohmahan fitnah (*the statement bears defamatory imputations*).

[31] Untuk saya memutuskan sama ada pernyataan-pernyataan yang telah saya putuskan sebagai disiarkan oleh plaintif dan defendan dan merujuk
H kepada plaintif dan defendan mempunyai tohmahan fitnah, maka mahkamah ini pertamanya telah meneliti kembali secara keseluruhan pernyataan-pernyataan tersebut, bukan hanya perkataan atau frasa-frasa tertentu, tetapi keseluruhan rangkap ayat dalam pernyataan-pernyataan berkenaan.

I **[32]** Ini disarankan dengan jelas oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Dato' Sri Dr Mohamad Salleh bin Ismail & Anor v Nurul Izzah bt Anwar & Anor* [2018] 3 MLJ 726; [2018] 1 LNS 171, bila mana Mahkamah Rayuan menyatakan yang berikut:

... the guiding principle involved must necessarily be the one as stated in the work by *Gatley on Libel & Slander* namely that the impugned statements must be viewed not in isolation, but rather in the context of the totality of the whole statement of which the impugned statement was but a part thereof. ... The quintessence of defamation is the spreading, by way of publication of falsehoods, laced as it were, with malice, for good measure. A plaintiff in a defamation suit is aggrieved because the falsity of the allegation has caused adverse implications on his reputation such that damages must flow from the defendant on successful proof by the plaintiff of the alleged defamation. The burden lies with the plaintiff to establish by evidence that there was malice that had actuated the defendant's defamatory statement.

[33] Seterusnya, saya sekali lagi merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd* apabila Mahkamah Persekutuan menyatakan dengan jelas seperti berikut prinsip undang-undang yang terpakai dan wajib dilaksanakan oleh saya dalam memutuskan apa yang dimaksudkan dengan pernyataan yang menjadi persoalan mempunyai tohmahan fitnah (*the statement bears defamatory imputations*):

There is no precise test to be applied to determine whether or not any given words are defamatory. His Lordship Mohamed Azmi J (as he then was) in the case of *Syed Husin Ali v Sharikat Perchetakan Utusan Melayu Berhad & Anor* [1973] 2 MLJ 56; [1973] 1 LNS 146 at p 58, quoting *Gatley on Libel and Slander*, 6th Ed p 4, stated the following:

> There is no wholly satisfactory definition of a defamatory imputation. Any imputation which may tend 'to lower the plaintiff in the estimation of right-thinking members of society generally', 'to cut him off from society' or 'to expose him to hatred, contempt or ridicule', is defamatory of him. An imputation may be defamatory whether or not it is believed by those to whom it is published.

It was further quoted that:

> A defamatory imputation is one to a man's discredit, or which tends to lower him in the estimation of others, or to expose him to hatred, contempt or ridicule, or to injure his reputation in his office, trade or profession, or to injure his financial credit. The standard of opinion is that of right-thinking person's generally. To be defamatory an imputation need have no actual effect on a person's reputation; the law looks only to its tendency.

... Whether the words are defamatory lies in the nature of the statement in that it must have the tendency to affect the reputation of a person. Therefore, the question arises in whose eyes the words complained of must have the tendency to affect the plaintiff's reputation. In the *Law of Defamation in Singapore and Malaysia*, 2nd Ed by Keith R Evans (at p 10), it is stated that, in applying these various tests, the court must look to a particular control group that is, in whose eyes must the estimation of the plaintiff be lowered before the words are said to be defamatory. In determining the issue, the court does not look to the actual effect of the allegations on the person's reputation, or the meaning of the words actually understood or taken by

A the listeners (see: *JB Jeyaretnam v Goh Chok Tong* [1985] 1 MLJ 334; [1984] 1 LNS 139). It is not enough that the listeners actually take the words in a defamatory sense, for they must be reasonably justified in so understanding the words before they are found to be defamatory (see: *The Straits Times Press (1975) Ltd v The Workers' Party & Anor* [1987] 1 MLJ 186; [1986] 1 LNS 65).

B ... The Court of Appeal applied the principle and approach in *Jones v Skelton* [1963] 3 All ER 952 and formed the view that it cannot ascribe to the first article the meanings which the appellant wanted the court to do. The Court of Appeal ruled that the first article was not defamatory and not capable of defamatory meaning ie, the article could not expose the appellant to hatred, contempt or ridicule.

C In coming to that determination, the Court of Appeal relied on the three tests set out in *Gatley on Libel and Slander*, 12th Ed, at p 7 as follows:

(i) Would the imputation tend to lower the plaintiff in the estimation of right-thinking members of society generally?

D (ii) Would the imputation tend to cause others to shun or avoid the claimant?

(iii) Would the words tend to expose the claimant to hatred, contempt or ridicule?

The above test is an objective test. In essence, it is a question of law that turns upon
E the construction of the words published. It is whether, under the circumstances in which the words were published, reasonable men to whom the publication was made, would be likely to understand it in a defamatory or libellous sense. The same test was applied and adopted by the Court of Appeal in *Allied Physics Sdn Bhd v Ketua Audit Negara (Malaysia) & Anor and Other Appeals* [2016] 7 CLJ 347.

F It is an established principle of law that in determining whether the impugned words connate a defamatory meaning, the court must consider the particular circumstance and the context in which the impugned words were used and published (see: (i) *Allied Physics*; (ii) *Tony Pua Kim Wee v Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd* [2013] 1 LNS 1433 — a decision of the Court of Appeal which was upheld by the Federal Court; and *Gatley*.

G ... We at this stage of the appeal have perused the wordings of the first article as a whole as well as all the relevant records available before us. We find that the Court of Appeal had in a reasonable and objective manner correctly applied the established 'time-tested' test in determining the meaning of the impugned words in the first article and concluded that it 'cannot see how those words had exposed the appellant
H to hatred, contempt or ridicule or lowered the appellant in the estimation of the society at large'. We find no reason to disagree with the findings of the Court of Appeal in this issue.

[34] Secara ringkasnya, dengan menggunpakai prinsip yang diputuskan oleh
I Mahkamah Persekutuan yang telah merujuk dan mengesahkan keputusan kes-kes terdahulu — yang juga termasuk kes-kes yang dirujuk dalam hujahan bertulis kedua-dua peguam plaintif dan defendan — memutuskan bahawa untuk sesuatu pernyataan yang diungkapkan dianggap sebagai mempunyai tohmahan fitnah, pernyataan tersebut hendaklah:

(i) merendahkan martabat plaintif atau defendan masing-masingnya pada pengamatan masyarakat secara keseluruhannya;

(ii) membuatkan plaintif dan defendan terputus hubungan dengan masyarakat;

(iii) mendedahkan plaintif dan defendan kepada kebencian, kejian, penghinaan, cemuhan dan ejekan;

(iv) membuat plaintif dan defendan disangsi atau diragui;

(v) merosakkan reputasi plaintif dan defendan di jawatan atau pejabatnya, pekerjaannya; dan

(vi) merosakkan kedudukan kredit kewangan plaintif dan defendan.

[35] Selain itu, perkara-perkara yang disebutkan dalam perenggan 34(i)–(vi) di atas tidak perlu dibuktikan telah, sedang atau akan berlaku kepada plaintif dan defendan, tetapi cukup jika dibuktikan bahawa perkara-perkara tersebut mempunyai kecenderungan untuk berlaku sedemikian kepada mereka.

[36] Seterusnya, tidak cukup jika masyarakat yang menganggap reputasi, martabat, maruah dan kedudukan plaintif dan defendan telah direndahkan berpendapat pernyataan-pernyataan itu adalah berunsur fitnah, tetapi masyarakat perlu mempunyai sebab-sebab yang munasabah tatkala mereka memahami bahawa ayat-ayat yang diungkapkan itu memfitnah plaintif dan defendan.

RUMUSAN

[37] Setelah saya teliti semua pernyataan yang diplidkan oleh plaintif dan defendan, dan setelah saya menggunapakai prinsip-prinsip undang-undang yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan di atas, saya tidak nampak bagaimana pernyataan yang diungkapkan oleh plaintif terhadap defendan dan pernyataan-pernyataan oleh defendan terhadap plaintif:

(a) telah merendahkan martabat plaintif atau defendan pada pengamatan masyarakat secara keseluruhannya;

(b) membuatkan plaintif dan defendan terputus hubungan dengan masyarakat;

(c) mendedahkan plaintif dan defendan kepada kebencian, kejian, penghinaan, cemuhan dan ejekan;

(d) membuat plaintif dan defendan disangsi atau diragui;

(e) merosakkan reputasi plaintif dan defendan di jawatan, pejabat, atau pekerjaan mereka; dan

A (f) merosakkan kedudukan kredit kewangan plaintif dan defendan.

[38] Saya juga memutuskan bahawa memandangkan mahkamah ini berpuas hati bahawa inti pati pertama ini gagal dibuktikan oleh kedua-dua pihak, maka tiada keperluan untuk mahkamah ini membuat dapatan mengenai pembelaan
B justifikasi, ulasan saksama, dan 'bane and antidote'.

[39] Berlandaskan alasan-alasan tersebut, saya berpuas hati bahawa tiada sebarang bentuk fitnah yang dilakukan oleh plaintif dan tiada sebarang bentuk fitnah yang dilakukan oleh defendan-defendan, lalu mahkamah ini memutuskan untuk menolak tuntutan kedua-dua pihak dengan kos
C ditanggung secara sendiri masing-masingnya.

Tuntutan plaintif dan tuntutan balas defendan ditolak.

D Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar

E

F

G

H

I